

Warga universiti dapat dewan kuliah pusat agar lebih selesa

# UMSKAL dinaik taraf

UM 7.5.2014 26



**DR. Mohd. Harun Abdullah** ketika melancarkan menu 1Malaysia selepas lawatan ke UMSKAL, di Labuan, Sabah, kelmarin. -UTUSAN/SITTI NOR AZIZAH TALATA

**LABUAN** 6 Mei - Kerajaan menyediakan peruntukan yang besar bagi meningkatkan kemudahan di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Labuan (UMSKAL) demi keselesaan untuk tenaga pengajar dan pelajar di universiti tersebut pada masa depan.

Menurut Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah projek tersebut melibatkan pembinaan dewan kuliah pusat, naik taraf masjid, kafeteria, kolej kediaman, klinik kesihatan, perpustakaan dan pusat sukan serta rekreasi.

“Saya berharap semua warga universiti akan menggunakan kemudahan yang disediakan dengan sebaik mungkin agar ia boleh digunakan untuk jangka masa panjang,” katanya selepas mendengar taklimat pembangunan dan perkembangan semasa oleh Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali di Bilik Seminar universiti itu di sini semalam.

Taklimat itu diadakan sempena lawatan sehari beliau untuk meninjau perkembangan semasa di UMSKAL sambil beramah mesra dengan warga universiti.

Mohd. Harun turut meninjau perkembangan pembangunan fizikal di UMSKAL sambil diiringi Ismail dan Ketua Bahagian Pembangunan dan Penyelenggaraan, Md. Azri Awang Tanjong.